

Najib Pulang Untuk Ziarah Jenazah Almarhum Sultan Perak
Bernama
Mei 28, 2014
Oleh D. Arul Rajoo

BEIJING, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang sedang dalam rangka lawatan rasmi ke China, akan pulang ke Malaysia malam ini untuk memberi penghormatan terakhir kepada Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, yang mangkat hari ini.

Jurucakap Pejabat Perdana Menteri berkata, Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor akan pulang sejeurus selepas menghadiri satu majlis di sini.

Selepas memberi penghormatan terakhir kepada almarhum di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar esok, mereka akan kembali ke Beijing untuk menyambung lawatan rasmi enam hari yang bermula semalam sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik dijalin antara Malaysia dan China.

Pada sebelah pagi esok, perdana menteri yang sepatutnya menaiki kereta api laju untuk ke Tianjin yang mengambil masa perjalanan 33 minit dengan beliau akan menyaksikan upacara pecah tanah projek penyulingan air laut dan penghasilan garam Xianda's Integrated Seawater Desalination and Salt Making di Zon Perindustrian Nangang.

Menteri Pertahanan yang juga Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dijangka mewakili beliau pada majlis itu.

Jurucakap itu berkata pertemuan dua hala antara Perdana Menteri dan rakan sejawatnya Li Keqiang yang dijadualkan petang esok akan diteruskan mengikut jadual.

Semasa di sini, beliau juga dijadual menghadiri sidang kemuncak ekonomi dengan para usahawan China, manakala acara kemuncak bagi lawatan ini adalah majlis sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China di Great Hall of People pada Sabtu.

Sultan Azlan Shah, 86, mangkat pada pukul 1.30 tengah Rabu, dan jenazah baginda akan dimakamkan di Makam Diraja Kuala Kangsar selepas solat Asar esok.

Baginda yang telah memerintah Perak selama tiga dekad sejak ditabalkan pada 3 Feb 1984, akan disemayamkan di Balairong Seri Istana Iskandariah, Kuala Kangsar untuk penghormatan terakhir.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042163>